

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

YB DR LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutama di kawasan luar bandar.
2. Antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara adalah seperti berikut:-
 - a. sebanyak 280 menara baharu sedang dalam peringkat pelaksanaan dan kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021;
 - b. sebanyak 11 alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada sedang dalam peringkat pelaksanaan;

SOALAN NO : 222

- c. sebanyak 377,360 pelanggan sedia ada di seluruh negara akan dinaik taraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik oleh SKMM. Inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan; dan
 - d. Sebanyak 33,112 sambungan jalur lebar talian tetap di pinggir bandar sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2020.
3. Pada masa yang sama, SKMM juga membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi.